

**TEKS UCAPAN YAB PERDANA MENTERI: MAJLIS PECAH
TANAH RESIDENSI AMAN MADANI**

By : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

Venue : RESIDENSI AMAN LUMAYAN, BANDAR SRI PERMAISURI

Date : 06/08/2025

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

PERDANA MENTERI

SEMPENA

MAJLIS PECAH TANAH RESIDENSI AMAN MADANI

6 OGOS 2025 (RABU) | 9.30 PAGI

RESIDENSI AMAN LUMAYAN,

BANDAR SRI PERMAISURI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Sejahtera.

Nahmaduhu wa nusalli 'ala Rasoolihil Kareem,

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa,

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan);

Yang Berbahagia Datuk Wira M Noor Azman bin Taib,

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

Yang Berbahagia Datuk Seri Noridah binti Abdul Rahim, Ketua
Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan;

**Yang Berbahagia Dato' Seri TPr (Dr.), Maimunah binti Mohd
Sharif,**

Datuk Bandar Kuala Lumpur;

Encik Shahril Reza bin Shaheen,

Pengarah Urusan Danau Lumayan Sdn. Bhd.;

Kontraktor dan rakan-rakan yang saya muliakan.

1. Saya mengambil keputusan untuk bersama-sama, untuk menunjukkan sokongan kita agar projek-projek perumahan sederhana dan untuk rakyat dipercepatkan. Dan saya nak pastikan Jabatan Wilayah bersama dengan KPKT, Datuk Bandar pastikan projek-projek ini dijalankan dengan telus, bersih dan memenuhi konsep MADANI.
2. Saya kebetulan projek ini tidak saya pantau secara peribadi, seperti contoh umpamanya seperti di Seberang Jaya ataupun di Putrajaya Perumahan MADANI Rakyat yang memenuhi seluruh kerangka: landskap yang memenuhi keperluan kemampanan, ehsan dan persekitaran, soal hijau dan soal kemudahan kepada rakyat.
3. Jadi saya nak tukar sikit format peluncuran ini dengan meminta beberapa penjelasan. Semua konsep perumahan arahan saya clear. Semua konsep perumahan besar terutama macam rumah yang 3500 unit, mesti menyediakan prasarana sekolah. Jadi ada sekolah dekat. Ada tak? Sekolah menengah dan sekolah rendah. Kita sudah pastikan mesti ada sekolah, kalau tidak ada sekolah berdekatan, mesti ambil beberapa blok di situ dengan dedicated lift vertical school mesti ada. Jadi saya harap satu blok boleh diteruskan, satu blok lagi mesti ditanggung sehingga semua syarat-syarat ini dipenuhi. Kalau dipenuhi boleh jalan. Okey, sekolah satu.
4. Satu lagi, ada tak satu tempat untuk tadika? Kan kita kata di bandar ibu bapa pendapatannya RM2000 – RM3000, tadika ini 2 batu jauhnya, saya sudah arahkan supaya tadika itu di dalam bangunan. Kalau ada alhamdulillah, kalau tidak ada dibetulkan. Datuk Bandar

dan semua perancang. Mana Pengarah Perancang. Pemangku Pengarah Perancang mana? Tak ada? Pemangku Pengarah Perancang Bandar Raya. Tak ada Datuk Bandar, macam mana? Jadi saya nak beri teguran ini, lagi dalam minggu depan Isnin saya nak projek ini, pemaju dan Datuk Bandar dan semua yang bertanggungjawab datang ke pejabat, tak mahu banyak masa, 10 minit. Mana sekolahnya? mana tadikanya? Mana prasekolahnya? mana blok kemudahan kesihatannya? Itu kena ada. Dan kalau sekolah vertikal itu kita kena ada dedicated lift.

5. Ini saya kata, sebab itu Pegawai Perancang harus faham apa dia kerangka MADANI. Saya bukan kisah teguran dan kritikan dan maki hamun di luar Parlimen, itu dalam Parlimen. Saya hendak negara ini berubah dengan sikap kita yang bertanggungjawab menjalankan peranan kita. Kalau tidak rakyat tidak ada perolehan apa-apa. Jadi saya harap pemaju beri kerjasama, saya tidak mahu ganggu. Saya tidak akan membebankan dengan kos bertambah, ini projek besar yang dilakukan dan saya tidak perlu tahu siapa pemaju. Tidak ada komisen untuk Perdana Menteri atau politik dia seperti mana lazim berlaku sebelumnya. Tidak. Yang saya nak konsep ini memenuhi semua keperluan dipatuhi dan bukan sahaja projek ini dipantau peribadi oleh Perdana Menteri, semua projek mesti ikut konsep ini.

6. Mahu di bandar kalau tak ada sekolah, gaji RM3000 nak pergi berjalan jauh mana nak pergi ke sekolah? Bagaimana jaga keselamatan anak-anak dengan tadika, dengan kes jenayah yang menyinggung kedudukan anak-anak kecil. Kalau di sekolah di bangunan yang sama kan selesa ibu bapa, boleh bekerja dengan tenang, dengan baik. Kos pengangkutan kurang. Ada yang kos sampai

RM300 – RM400 minima, kos pengangkutan, untuk keluarga yang miskin itu susah.

7. Jadi bila kita katakan keprihatinan terhadap masalah rakyat, kita kena lihat ini semua. Bahawa keperluan rakyat, pengangkutan mereka, sekolah mereka, tadika mereka, kesihatan mereka dan KPKT, KSU ada selaraskan dengan semua jabatan yang lain. Okey, kalau MRT 3 ada memudahkan. Bagaimana tentang kawasan, apakah kemungkinan banjir ataupun kemudahan jalan dan laluan, parking, taman kanak-kanak, taman permainan, kawasan hijau, saya lihat ada dalam bentuknya secara sepintas lalu yang saya lihat. Tapi saya hendak pastikan perkara ini berlaku. Tapi yang saya kurang puas hati tentang pendidikan. Kerana inikan projek baru, mana mungkin ada projek baru tidak ada prasekolah di bangunan itu, kan arahnya jelas.
8. Mungkin pemimpin-pemimpin ini saya kena bagi kursus tambahan, apa dia konsep Negara MADANI. Saya kena beritahu Ketua Setiausaha Negara, panggil semua, clear Kalau tidak kerja kita nak pergi pantau tiap projek, bukan kerja kita. Jadi saya harap ini dibetulkan. Saya bagi sampai hari Isnin. Sama ada saya di Parlimen atau di Pejabat Perdana Menteri.
9. Projek begini kita galakkan dan kita mempercepatkan sebab rakyat tidak boleh tunggu. Kalau sayalah di antara yang booking rumah, hendak tunggu dua tahun, tiga tahun, itu perkara yang berat. Dia sepatutnya kalau saya hendak jadi seorang yang bertanggungjawab,

saya kena fikir keluhan orang yang di bawah itu. Bukan ikut perancangan “dalam lima tahun kita akan,” betul.

10. Dan saya iktiraf dan hormati peranan KPKT, Menteri, KSU nya yang secara sungguh-sungguh memantau pelaksanaan projek-projek perumahan raksasa untuk rakyat yang saya ingat boleh mencatat sesuatu catatan yang membanggakan dalam sejarah pembangunan perumahan rakyat di negara kita. Itu mereka lakukan.
11. Tetapi ini harus diadakan bersama dengan Kerajaan Negeri dan Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran supaya bukan sahaja rumah, tapi syarat-syaratnya. Dan kalau tidak pun, IPD apa-apa daripada pejabat polis itu harus disediakan, itu semua harus disediakan. Kerana masalah di bandar ini rencam.
12. Saya ucap terima kasih kerana soal kemudahan penjaja kecil itu ada. Kerana saya berulang kali tekankan, 85% rakyat Wilayah Persekutuan ini pergi ke warung, gerai penjaja kecil. Hanya 15% yang ke restoran-restoran besar. Jadi, kita tidak menghalang hendak adakan restoran besar, silakan. Tetapi untuk Kerajaan, untuk Bandaraya, untuk Majlis Perbandaran itu harus fikirkan kemudahan ramai. Terima kasih kepada Dewan Bandaraya setelah digesa, telah menyiapkan banyak gerai-gerai dan restoran kecil ini, warung-warung, kerana penghuninya rakyat terbanyak.
13. Tapi tengok keadaan gerai, bumbungnya, lantainya, kemudahan paipnya tidak dipedulikan. Jadi nampak macam kita ini Kerajaan jaga

yang atas-atas. Bangunan mesti indah, bangunan besar dan tinggi raksasa, mega towers, tetapi yang memberi manfaat kepada rakyat terbanyak itu dipedulikan mungkin sebelum pilihan raya beberapa bulan untuk menyenangkan hati rakyat. Saya rasa pendekatan ini diubah.

14. Sebab itu betapa sukar pun apa yang kita mulakan? kita mulakan dengan mengiktiraf peranan pegawai dan pengurus dengan sistem saraan yang lebih baik. Walaupun ia menjadi masalah kepada kewangan negara, tetapi saya fikir kalau kita mula begitu, berikan, santuni masalah mereka dengan harapan tahap kecekapan, kesungguhan khidmat itu jauh lebih baik.
15. Dan kita tidak mahu umpamanya, mana-mana jabatan itu terpalit dengan urusan komisen dan rasuah. Kita harap dalam pentadbiran sekarang, hal ini dapat dibersihkan. Tetapi kalau mahu bersih, jangan lembap. Kita kata kadang-kadang dia bersih, tapi kelulusannya lambat, tidak boleh juga. Sebab saya bagi contoh tadi, orang yang tunggu rumah, beza, kalau dia dapat rumah dalam satu tahun atau tiga tahun atau lima tahun.
16. Ada projek perumahan saya di negeri baru-baru ini, satu negeri, lapan tahun belum siap. Ada macam masalah di Kampung Sungai Baru berbelas tahun kerana perancangan itu tidak begitu teliti dan tidak mengambil kira beberapa faktor. Dan kemudian akhirnya dipolitikkan. Rakyat terdera dengan mainan seperti ini. Sebab itu saya minta hal-hal ini diberi perhatian dan saya mohon maaf kerana saya ubah sikit format ucapan ini untuk memastikan projek ini

memenuhi konsep kita sepenuhnya. Bukan sekadar penjaja, sesetengah negeri itu okey. Perdana Menteri (PM) hendak penjaja MADANI, yang lain?

17. Jadi sebab itu konsep keseluruhannya itu harus difahami keseluruhannya dan tentunya kena runding dengan pemaju sebab kalau kita bebankan mereka dengan terlalu banyak sehingga menyebabkan kesan kepada kos, itu tentu dirunding. Macam kalau kita kata vertical school, vertical school itu kalau pemaju bangun dalam blok itu jauh lebih murah daripada sekolah yang dibina oleh Kementerian Pendidikan. Maka kos pembangunan sekolah bahagian itu akan ditampung oleh Kementerian Pendidikan yang akan menjadi jauh lebih murah. Kalau kos saya bandingkan hari itu di Pulau Pinang sekitar 50%, 60% sahaja daripada kos kalau sekolah itu dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan. Jadi yang itu, jumlah itu kita boleh tampung dan beri peruntukkan kepada pemaju supaya megurangkan kos kerana dalam syaratnya tidak memerlukan pembinaan. Tetapi kalau syarat itu dari awal dirundingkan maka saya percaya tidak membebankan Kerajaan dan rakyat.
18. Saya harap hal-hal ini diteliti sepenuhnya oleh perancang, pegawai-pegawai, supaya dalam rundingan dengan pemaju ini dipenuhi. Saudara-saudari, kena ingat ya, kita yang hadir di depan ini kebanyakannya tentunya dalam keadaan yang lebih baik, tapi majoriti di Kuala Lumpur masih di peringkat B40 dan mereka tidak ada upaya untuk membuat tuntutan-tuntutan selain daripada jadi isu-isu politik pilihan raya. Kita harus rasa bertanggungjawab, fokus kepada kalangan yang terisih. Yang kita sebut sekarang sebagai miskin bandar kerana miskin bandar itu jumlahnya lebih ramai

daripada miskin desa dari segi jumlahnya. Dan problem mereka itu boleh dikurangkan kalau kita tunjuk keprihatinan mengurangkan kos.

19. Hendak menaikkan gaji ada hadnya. Kita naik umpama daripada RM1200 minima, RM1500, naik RM1700. Kemudian saya arahkan GLIC, syarikat-syarikat Kerajaan yang kerajaan pulih – Tenaga, Telekom, Petronas semuanya bagi gaji minima RM3000, itu ada keupayaan kita. Sebab itu syarikat-syarikat pemaju, syarikat-syarikat yang berjaya harus ambil iktibar ini bahawa pekerja itu harus diberi ganjaran yang setimpal dengan khidmat dan usaha mereka. Ambil jalan keluar yang mudah boleh, hanya bergantung sepenuhnya kepada pekerja asing. Kalau begitu, negara kita akan terus terbeban dengan kebergantungan kepada pekerja asing dan menimbulkan banyak masalah lain.

20. Jadi saya harap sekali lagi untuk memenuhi konsep kita dan menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13), projek-projek perumahan besar, saya fikir kalau projek perumahan itu sekadar satu blok 200-300 rumah, kita nak letakkan syarat banyak-banyak mungkin sukar. Tapi kalau projek perumahan itu mencecah 3000–3500 unit, maka kita boleh letakkan syarat-syarat yang lebih, asalkan dari Menterinya kepada Datuk Bandarnya, kepada pegawainya, pengarahnya tidak mengambil atau menekan untuk komisen untuk mempercepatkan seperti lazim yang berlaku. Semua orang tahu. Saya pun ada pengalaman buat rumah saya tahu masalahnya begini, dia bukan mengada-adakan. Tapi itu saya ingat tidak mengapa. Sudah, sekarang ini kita kena tentukan supaya

langkah-langkah diambil itu jauh lebih berkesan kerana ramai lagi yang baik.

21. Kalau diberi contoh yang baik, ramai yang mampu jalankan kerja dengan amanah dan dengan bersih. Saya harap hal ini difahami, saya ucap terima kasih dan seperti mana saya sebut tadi, saya tukar format ini. Kalau ikut saya, saya nak panggil Pegawai Perancang, Datuk Bandar semua beratur saya nak tanya satu-persatu tapi saya ingat tak sesuai, memadai saya bagi kepercayaan kepada mereka mempersiapkan beberapa persoalan yang saya bangkitkan dan mungkin saya akan ubah suai sekejap hari Isnin bersama dengan pemaju dan juga mungkin kontraktor untuk duduk sekejap dan memenuhi dan dengar masalah yang mereka bangkitkan. Tetapi mesti bersih, mesti cepat, kerana orang yang tunggu rumah itu tak sabar untuk dapatkan rumah dan kualiti itu kita minta nanti KPKT tentu selaras dan pantau.

22. Sekali lagi, terima kasih dan dengan harapan bahawa kita dapat menyempurnakan tanggungjawab ini dengan baik. Saya lancarkan **Residensi Aman Madani**.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2025/08/teks-ucapan-yab-perdana-menteri-majlis-pecah-tanah-residensi-aman-madani-2/>